

Dr Arumugam dipilih Presiden WMA

KUALA LUMPUR: Pakar kardiologi, Datuk Dr N Arumugam dipilih sebagai Presiden Persatuan Perubatan Sedunia (WMA) iaitu warga Malaysia pertama memegang jawatan itu.

Bekas Presiden Persatuan Doktor-Doktor Perubatan Malaysia (MMA) itu dipilih pada perhimpunan agung WMA di Sun City, Pilanesburg, Afrika Selatan pada 10 hingga 14 Oktober lalu.

Presiden MMA, Datuk Dr Teoh Siang Chin menyifatkan pelantikan itu sebagai pengiktirafan cemerlang antarabangsa bagi bidang kesihatan Malaysia dan pengiktirafan terhadap semua doktornya.

"Pengiktirafan seorang pakar kardiologi Malaysia sebagai presiden badan global doktor pasti mengangkat penjenamaan kesihatan Malaysia," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Dalam ucapan sulungnya pada perhimpunan itu, Dr Arumugam berikrar untuk berusaha ke arah mewujudkan kesihatan lebih baik semua rakyat termasuk doktor.

Katanya, demi menentukan populasi sihat, doktor sendiri mestilah sihat.

WMA terdiri daripada lebih 80 negara anggota dan diiktiraf sebagai pelopor dan pembimbing kesihatan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).